



## KAMPUS BINTULU, SARAWAK

### DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN MENGUSAHA GERAJ  
(MAKANAN MASAKAN HALAL) DI DEWAN  
MAKAN DUA (KK2), FAKULTI SAINS  
PERTANIAN DAN MAKANAN, UNIVERSITI  
PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU  
SARAWAK**

**NO. RUJUKAN SEBUT  
HARGA : SH04/2016 (11601)**



## KAMPUS BINTULU SARAWAK

### KENYATAAN TAWARAN

Rujukan	Butiran Tawaran	Tarikh Tutup & No. Peti Tender
SH04/2016 (11601)	Perkhidmatan Mengusaha Gerai (Makanan Masakan Halal) Di Dewan Makan Dua (KK2), Fakulti Sains Pertanian Dan Makanan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak	19 Disember 2016 12:00 Tengahari  Peti Tender No.2

1. Dokumen Tawaran Sebut Harga boleh diperolehi secara **percuma** mulai **02 Disember 2016** di laman sesawang rasmi UPM Kampus Bintulu : [www.btu.upm.edu.my](http://www.btu.upm.edu.my).
2. Dokumen Tawaran Sebut harga hendaklah sampai dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 2** pada atau sebelum **19 Disember 2016, jam 12:00 tengahari**.
3. Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan Universiti adalah muktamad.

**PERMOHONAN MENGUSAHKAN GERAI (MAKANAN MASAKAN HALAL)  
DI DEWAN MAKAN DUA (KK2) FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK  
BAGI TAHUN 2017**

<b>BIL</b>	<b>NO. GERAI</b>	<b>KATEGORI GERAI</b>	<b>TANDAKAN GERAI YANG DIPOHON</b>
1.	1	Minuman dan Kuih Muih	
2	2	Nasi Campur	
3	4	Masakan Panas (Bergoreng,Nasi Lemak, Nasi Ayam dan lain-lain)	

**Nota: petender dikehendaki untuk mengisi satu katogeri gerai sahaja. Sekiranya ingin memohon lebih daripada satu jenis kategori gerai, petender adalah disarankan untuk mengisi di borang yang berlainan.**

<b>KATEGORI PERMOHONAN</b>	<b>TANDA</b>
ORANG AWAM	
AHLI KELUARGA STAF : .....  (NYATAKAN NAMA SUAMI/ISTERI BERKHIDMAT DI UPMKB)	

**SENARAI SEMAK PENYERAHAN PERMOHONAN MENGUSAHKAN GERAI  
MAKANAN DAN MINUMAN DI DEWAN MAKAN DUA (KK2)**

Perkara	Tanda /
Borang permohonan dilengkapkan	
Senarai menu dan harga yang ditawarkan	
Penyata akaun bank simpanan/tetap terkini 3 bulan	
Salinan kad pengenalan	
Senarai peralatan yang ada	
Lesen perniagaan daripada Pejabat Daerah (jika ada)	
Lesen Gerai Makanan daripada BDA (jika ada)	
Lesen Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Perbendaharaan Negeri Sarawak (jika ada)	
Sijil Pengendalian Makanan (jika ada)	

**MAKLUMAT BILANGAN PELAJAR DAN KAKITANGAN DI UPMKB  
TAHUN 2016**

Jumlah pelajar Di Kolej Sri Rajang dan kakitangan UPMKB sehingga November 2016 adalah seperti butiran berikut:

- i. Pelajar = 1371 orang
- ii. Kakitangan = 302 orang

**KALENDAR AKADEMIK PELAJAR UPMKB**

Program Bacelor dan Diploma:

Januari hingga Disember sepanjang tahun

**MAKLUMAT TAMBAHAN :**

Bilangan pelajar akan bertambah pada bulan Jun dengan anggaran 600 orang setiap tahun.

Pengambilan pelajar UPMKB dibuat dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Jun bagi pelajar Diploma dan September bagi pelajar Bacelor. Sehubungan itu, pelanggan sentiasa ada di kampus.

## **LAMPIRAN A**

### **FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU**

#### **RINGKASAN SEBUTHARGA**

**TAJUK PERKHIDMATAN/KERJA :**

**PERKHIDMATAN MENGUSAHA GERAI (MAKANAN MASAKAN HALAL) DI DEWAN MAKAN DUA (KK2), FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK**

#### **PENERANGAN, MAKLUMAT-MAKLUMAT AM DAN SYARAT-SYARAT UNTUK PENENDER**

##### **1.0. Syarat Untuk Menyertai Sebutharga**

1.1 Tawaran terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk mengusahakan gerai makanan dan minuman di Dewan Makan Dua (KK2) UPMKB. Tertakluk kepada Keputusan Jawatakuasa Sebutharga Dewan Makan Dua (KK2), pemohon yang berjaya diberi tempoh tiga (3) bulan untuk mengemukakan lesen perniagaan makanan yang dikeluarkan pihak Lembaga Kemajuan Bintulu berdasarkan kuasa yang telah diperuntukkan oleh:

- Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu, 1978,
- Ordinan Pihak-pihak Kuasa Tempatan, 1996 serta Undang-undang kecil yang digubal di bawahnya,
- Ordinan Perlindungan Kesihatan Awan 1999 serta Undang-undang kecil di bawahnya.

##### **Syarat memohon lesen Gerai makanan daripada Lembaga Kemajuan Bintulu**

Mengemukakan salinan surat tawaran menjalankan perniagaan gerai makanan dan minuman di Dewan Makan Dua (KK2) UPMKB dan salinan pemeriksaan kesihatan serta menghadiri kursus pengendalian makanan anjuran Kolej Sedamai dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Bintulu. Lesen ini adalah sah setahun sahaja dan perlu diperbaharui dengan kos ditanggung pengusaha sendiri.

1.2 Pemohon yang memiliki sijil dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Perbendaharaan Negeri Sarawak atau perniagaan yang didaftarkan secara sah daripada Pejabat Daerah adalah dipelawa dan tidak semestinya akan dipilih.

1.3 Jika perlu Jawatankuasa Sebutharga Dewan Makan Dua (KK2) akan membuat sesi temubual bersama pemohon sebagai salah satu kaedah pemilihan.

## **2.0 Tempoh Kontrak**

- 2.1 Tempoh kontrak adalah untuk Satu (1) tahun. Walau bagaimanapun, pihak Universiti akan membuat kajian dari semasa ke semasa dan berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa jika pada hemat universiti mendapati pihak penender telah melanggar syarat-syarat kontrak atau gagal melaksanakan kontrak dengan memuaskan.
- 2.2 Pihak Universiti berhak menamatkan kontrak ini serta merta sekiranya pihak penender didapati melanggar mana-mana peruntukan dalam Penerangan dan Maklumat-Maklumat Am untuk penender ini.

## **3.0 Kategori Gerai Makanan dan Minuman**

- 3.1 Pihak Universiti menyediakan 4 buah gerai makanan dan minuman di Dewan Makan Dua (KK2) Kolej Sri Rajang.

No. Gerai	Kategori Menu Makanan
1	Minuman dan kuih muih
2	Nasi campur
3	Nasi campur
4	Masakan Panas (Bergoreng,Nasi Lemak, Nasi Ayam dan lain-lain)

## **4.0 Bayaran Sewa Bulanan**

- 4.1 Bayaran sewaan untuk sebuah gerai adalah sebanyak **RM 250.00 dan RM 15.00 GST 6%.** Penender dikehendaki membayar secara **standing instructions** (Sila rujuk kaedah bayaran sewaan bulanan di Lampiran E) daripada akaun semasa/simpanan bank-bank tempatan yang tidak boleh batal selagi belum tamat kontrak
- 4.2 Pengusaha gerai makanan dan minuman yang gagal menjelaskan bayaran sewa bulanan selama tiga (3) bulan berturut-turut akan dikenakan tindakan penamatkan kontrak
- 4.3 Tiada pengecualian bayaran sewaan bulanan semasa cuti semester dan cuti antara semester bagi program diploma dan bachelors.

## **5.0 Bayaran Bil Air dan Elektrik**

- 5.1 Bayaran penggunaan air dan elektrik adalah termasuk sekali di dalam bayaran sewaan bulanan.

- 5.2 Menjadi tanggungjawab penender untuk menjaga penggunaan elektrik dan air serta kemudahan yang berkaitan.

## **6.0 Telefon**

- 6.1 Pihak Universiti tidak menyediakan kemudahan telefon.

## **7.0 Waktu Perniagaan**

- 7.1 Gerai makanan dan minuman Dewan Makan Dua (KK2) hendaklah dibuka mulai pukul 10.00 pagi hingga 11.00 malam selama tujuh (7) hari seminggu ataupun masa-masa yang lain tertakluk kepada budibicara universiti. Kegagalan pihak pengusaha mengikut waktu perniagaan yang telah ditetapkan membolehkan pihak universiti untuk menamatkan kontrak.
- 7.2 Waktu perniagaan pada bulan Ramadhan pula adalah dari pukul 5.00 petang sehingga 4.30 pagi hari berikutnya. Walau bagaimanapun, gerai akan dibuka pada pukul 12.00 tengahari hingga 2.00 petang untuk pelanggan bukan beragama Islam. Pihak universiti tiada halangan sekiranya penender ingin beroperasi lebih awal dari masa yang telah ditetapkan.
- 7.3 Penender tidak dibenarkan menutup premis gerai makanan dan minuman bagi tempoh melebihi sebulan. Sekiranya didapati penender menutup premis gerai makanan dan minuman melebihi tempoh sebulan pihak universiti berhak mengenakan tindakan penamatan kontrak.
- 7.4 Sebarang penutupan gerai haruslah dipohon kepada pentadbir kontrak secara bertulis dan hendaklah mendapat kelulusan. Jika gerai didapati tutup tanpa sebarang permohonan, Pihak universiti berhak untuk mengenakan tindakan penamatan kontrak.

## **8.0 Penyediaan Makanan**

- 8.1 Penender hendaklah menyediakan makanan yang mencukupi kepada pelajar. Keutamaan penender adalah kepada pelajar dan penender adalah ditegah untuk menyediakan tempahan makanan kepada agensi luar menggunakan fasiliti universiti semasa gerai dibuka untuk pelajar. Sekiranya didapati berbuat demikian pihak universiti berhak mengenakan tindakan penamatan kontrak.
- 8.2 Makanan yang disediakan haruslah pelbagai dan memberi pilihan kepada pelangan.

## **9.0 Pekerja dan Kakitangan**

- 9.1 Penender hendaklah mengambil pekerja beragama Islam sahaja. Senarai kakitangan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Dewan Makan Dua (KK2) dan Mutu Makanan, FSPM, UPMKB dan hendaklah mengandungi nama, no. kad pengenalan atau no. pasport, bangsa, agama dan lain-lain yang berkaitan

- dalam tempoh dua (2) Minggu dari tempoh Surat Setujuterima Tawaran ditandatangani.
- 9.2 Penambahan atau pengurangan pekerja haruslah dimaklumkan kepada pentadbir kontrak secara bartulis.

## **10.0 Pemeriksaan Kesihatan**

- 10.1 Semua pekerja dan kakitangan adalah diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan. Pemeriksaan ini akan dilakukan oleh pegawai perubatan yang dilantik dan disahkan oleh pihak pengurusan universiti. Kos pemeriksaan kesihatan ini ditanggung oleh petender sendiri dan dikehendaki menyerahkan satu salinan laporan kesihatan setiap pekerja kepada Pentadbir Kontrak dan pegawai perubatan UPMKB dalam tempoh dua (2) Minggu dari tempoh Surat Setujuterima Tawaran ditandatangani.

## **11.0 Pakaian**

- 11.1 Semua pekerja dan kakitangan penender dikehendaki memakai pakaian yang dapat mengelakkan pencemaran/penyebaran wabak penyakit seperti topi, sarung tangan, apron dan pakaian-pakaian lain yang berkaitan serta hendaklah sentiasa digunakan semasa dan ketika menyediakan makanan serta menyajikan makanan.
- 11.2 Pakaian seragam dikalangan pekerja dan kakitangan adalah amat digalakkan dan dikehendaki untuk dipakai semasa dalam kampus universiti dan hendaklah bersesuaian dengan etika pemakaian pakaian yang tidak mendedahkan bahagian badan sehingga boleh mewujudkan ketidakselesaan pelanggan. Warna dan corak pakaian seragam yang ingin digunakan hendaklah mendapat kebenaran dari pihak universiti.

## **12.0 Bayaran Pendahuluan**

- 12.1 Penender yang berjaya adalah disyaratkan untuk menjelaskan keseluruhan bayaran pendahuluan sebelum memulakan urusan perniagaan seperti berikut:
- 12.2 Tiga (3) bulan pendahuluan sewa bulanan (sebelum mengambil kunci premis). Bayaran tiga (3) bulan sewa bulanan ini diperlukan bagi menjamin pelaksanaan kontrak yang dilaksanakan oleh petender. Pihak universiti berhak menggunakan wang ini bagi tujuan membayar ganti rugi atau membaiki kerosakan yang dilakukan petender selepas tamat kontrak kelak atau bagi tujuan apa pun sekiranya berlaku kecuaian di pihak petender dalam mengikuti peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak.
- 12.3 Bayaran pendahuluan tidak akan dikembalikan sekiranya petender ditamatkan kontrak kerana melanggar perjanjian kontrak.

### **13.0 Harga**

- 13.1 Setiap kategori menu gerai makanan dan minuman yang dipilih hendaklah disertakan dengan nilai harga jualan dalam Ringgit Malaysia sama seperti harga yang ditawarkan di dalam Borang Spesifikasi Sebutharga. Sebarang tambahan kepada menu adalah digalakkkan dan diminta menyatakan nilai jualannya sekali diruang catatan.
- 13.2 Harga yang dikenakan perlu dipamerkan dan sebarang perubahan daripada harga yang ditenderkan perlu mendapat kelulusan bertulis daripada pihak universiti.
- 13.3 Peniaga yang menaikan harga atau menjual makanan/minuman dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang disebutkan dalam spesifikasi sebut harga akan dikenakan tindakan penamatkan kontrak.

### **14.0 Tanda Harga**

- 14.1 Penender yang berjaya akan disyaratkan untuk meletakan tanda harga bagi semua jenis makanan dan minuman yang akan dijual untuk makluman pelanggan. Saiz dan bentuk tanda harga hendaklah mendapat kelulusan pihak universiti.
- 14.2 Tanda harga yang dipamerkan haruslah jelas dan difahami oleh pelangan khususnya bagi makanan yang dijual melibatkan saiz dan kuantiti yang sukar diselaraskan. Contohnya saiz senduk yang digunakan dan saiz potongan ayam.

### **15.0 Makanan Halal**

- 15.1 Dilarang sama sekali membawa, menunjuk dan menjual minuman keras atau sebarang makanan, tanda dan simbol yang haram bagi orang-orang Islam ke premis gerai jualan. Pihak universiti berhak untuk menamatkan kontrak jika penender didapati melanggar peraturan ini.

### **16.0 Kebersihan Kawasan dan Penjagaan Barang Universiti**

- 16.1 Menjadi tanggungjawab penender untuk memastikan kawasan sekitar premis gerai jualan di Dewan Makan Dua (KK2) sentiasa bersih dan kemas.
- 16.2 Barang-barang dan peralatan yang disediakan oleh pihak universiti kepada penender hendaklah dijaga dan diawasi dari sebarang kerosakan dan kehilangan.
- 16.3 Setiap penender yang diberi tanggungjawab untuk menjaga barang universiti diantaranya meja dan kerusi hendaklah saling menjaga kebersihan dan kerosakan yang berlaku.
- 16.4 Menjadi tanggungjawab penender untuk membersihkan permis dari kekotoran dan kuman/penyakit, mengelap, mengemop, menyapu, memberus kawasan

sekeliling meja dan kerusi serta peralatan yang terdapat di dalam permis masing-masing.

- 16.5 Penender haruslah menyediakan satu bekas (besen/baldi/tong) untuk mengumpul sisa-sisa makanan dan pinggan mangkuk dan diletakan berhampiran meja pelangan.
- 16.6 Pingan-mangkuk yang telah digunakan haruslah dikutip dan peniaga haruslah menjaga kebersihan meja pelangan dengan mengelap setiap masa.
- 16.7 Sebarang kerosakan seperti paip pecah, kerosakan soket elektrik, pintu, kehilangan kunci dan kerosakan pemanas makanan sepanjang tempoh kontrak adalah tanggungan peniaga. Peniaga haruslah mengesahkan penerimaan inventori semasa mula menduduki permis dan memastikan inventori dalam keadaan baik sepenuhnya.
- 16.8 Barang dan peralatan universiti yang disediakan kepada penender adalah dilarang sama sekali untuk dipindah milik, ditukar atau dibawa keluar dari kawasan premis gerai jualan melainkan mendapat kelulusan secara bertulis dari pihak universiti.
- 16.9 Penender wajib menggunakan penapis air (*water filter*) yang bersesuaian untuk penyediaan makanan dan minuman. Pemasangan adalah di bawah tanggungjawab penender sendiri.

## **17.0 Penggunaan Bekas Makanan dan Minuman Yang Boleh Dikitar Semula**

- 17.1 Penender **diwajibkan** menggunakan bekas makanan dan minuman yang boleh dikitar semula. Bekas makanan dan minuman daripada polisterin adalah tidak dibenarkan.

## **18.0 Ubahsuai Ruang/Kerja Pembaikan**

- 18.1 Sebarang aktiviti pengubahsuai atau penambahan barang dan peralatan di premis gerai makanan dan minuman Dewan Makan Dua (KK2) hendaklah mendapat kelulusan dari pihak universiti. Kos bagi kerja ubahsuai ini (kecuali ditentukan) akan ditanggung sendiri oleh petender.

## **19.0 Merokok dan menggunakan rokok elektronik (*Vapor*)**

- 19.1 Universiti Putra Malaysia adalah kawasan larangan merokok. Pihak universiti berhak untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pengusaha yang melanggar peraturan ini.
- 19.2 Penggunaan rokok elektronik juga adalah dilarang.

## **20.0 Am**

- 20.1 Penerangan dan maklumat am untuk penender ini adalah sebahagian dari Perjanjian yang akan ditandatangani kelak.
- 20.2 Sebarang pertanyaan mengenai spesifikasi barang boleh diperolehi dengan menghubungi :

**En. Zaidi Bin Talip  
Kolej Sri Rajang  
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan  
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak**

**Tel : 086-855339  
Faks : 086-314794**

## **LAMPIRAN B**

### **SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN/KERJA**

#### **1.0. Penolakan Tawaran**

- 1.1. Penender yang menolak tawaran setelah surat tawaran dikeluarkan atau penender enggan menandatangani kontrak atau menarik balik tawaran sebelum keputusan tender dikeluarkan atau gagal memberi jawapan dalam masa yang ditetapkan, maka tindakan menggantung pendaftaran dan penyenaraian hitam penender dilakukan.

#### **2.0. Harga**

- 2.1. Penender hendaklah memberi nilai harga dalam bentuk Ringgit Malaysia bagi setiap kategori menu yang ingin disertai dalam jualan gerai nanti. Walau bagaimanapun, harga ini akan tertakluk kepada persetujuan pihak universiti dan kegagalan mengemukakan harga jualan menyebabkan tawaran penender tidak dapat dipertimbangkan.

#### **3.0. Tarikh Tutup**

- 3.1. Tawaran akan ditutup pada tarikh seperti surat jemputan/pelawaan yang diberikan kepada penender. Namun, tertakluk kepada budibicara pihak Universiti untuk melanjutkan atau memendekkan tempoh tarikh tutup tawaran ini.

#### **4.0. Dokumen Sebutharga**

- 4.1. Dokumen sebutharga ini hendaklah dikemukakan dalam bentuk asal dan tidak boleh diceraikan atau diubahsuai.

#### **5.0. Persetujuan**

- 5.1. Pihak universiti akan memberi notis bertulis kepada penender yang berjaya mendapat tawaran ini dan pihak Universiti juga berhak untuk menemuduga penender yang lain untuk pertimbangan bagi pengendalian gerai Dewan Makan Dua (KK2).
- 5.2. Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat diantara universiti dengan penender mengikuti syarat-syarat kontrak (termasuk syarat-syarat tambahan yang diubahsuai, jika ada) dan tidak ada sebarang perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.
- 5.3. Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun dan keputusan pihak universiti adalah muktamad.

5.4. Pihak universiti adalah berhak mempersetujui sebutharga yang dikemukakan atau sebahagian daripadanya.

#### **6.0. Pertanyaan Daripada Petender Yang Tidak Berjaya**

6.1. Pihak universiti tidak akan menerima atau melayan mana-mana pihak samada terlibat atau tidak terlibat dalam sebutharga ini mengenai sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.

#### **7.0. Amaran**

7.1. Penender yang gagal mematuhi syarat-syarat yang dikemukakan dalam dokumen ini boleh kehilangan kelayakan untuk dipertimbangkan.

#### **Pengesahan Petender:-**

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan daripada muka surat **2-13** telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....  
Tandatangan & Cop

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

**LAMPIRAN C**

**PEMILIHAN KATEGORI MENU, LATAR BELAKANG DAN MAKLUMAT PENENDER**

**1. Nama Pemohon** : \_\_\_\_\_

**2. Alamat** : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**3. No. Telefon**  
a. Pejabat : \_\_\_\_\_

b. Rumah : \_\_\_\_\_

c. Telefon Bimbit : \_\_\_\_\_

**4. Maklumat Mengenai Syarikat/Lesen Pengendalian Makanan :**

Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

No. Lesen Pendaftaran : \_\_\_\_\_

Sila sertakan salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut: (JIKA ADA)

- a. Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan daripada Pejabat Daerah, atau
- b. Lesen Pengendalian Makanan BDA, atau
- c. Surat Akuan Pendaftaran Kontraktor

**5. Maklumat Mengenai Pengurusan dan Kakitangan :**

Bil	Nama	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Tempoh Berkhidmat

**6. Maklumat Mengenai Perniagaan Yang Lalu dan Yang Dijalankan Sekarang**

Bil	Jenis Peniagaan	Tempat Peniagaan	Tempoh

(Sila lampirkan jika ruangan tidak mencukupi).

**7. Senarai peralatan yang ada untuk menjalankan operasi:-**

Bil.	Nama Peralatan	Jumlah	Catatan

## **8. Senarai Harga Menu Makanan dan Minuman**

Sila lengkapkan nilai harga menu yang dipilih seperti di **Lampiran D**.

.....  
Tandatangan

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

**# Nota : permohonan yang tidak mendapat jawapan dalam tempoh 3 bulan adalah dianggap tidak berjaya.**

## LAMPIRAN D

## **SENARAI MENU**

#### **A. Minuman dan kuih muih**

## B. Nasi campur

Bil	Perkara	Unit	Harga (RM)	Catatan
1.	<b>Nasi Campur</b>			
	Nasi Putih	Semangkuk Besar	.....	
	Nasi Putih	Semangkuk Kecil	.....	
	Ayam ( saiz sederhana dipotong 12):- a. Ayam goreng/ sayap b. Ayam masak merah c. Ayam masak kari d. Ayam masak kicap e. Sup Ayam f. ..... g. ..... h. .....	Sepotong Sepotong Sepotong Sepotong Semangkuk ..... ..... ..... .....	..... ..... ..... ..... ..... ..... ..... .....	
	Daging (Lembu):- a. Daging masak kari b. Daging masak kicap c. Rendang daging d. ..... e. ..... f. .....	Sesenduk Sesenduk Sesenduk ..... ..... .....	..... ..... ..... ..... ..... .....	
	Udang/ Sotong:- a. Udang goreng (saiz sederhana) b. Udang sambal (saiz kecil) c. Sotong Goreng Crispy d. Sotong Bersambal e. ..... f. .....	Sesenduk Sesenduk Sesenduk Sesenduk ..... .....	..... ..... ..... ..... ..... .....	
	Ikan Selar/ Kembong/ Cencaru:- a. Masak kicap b. Masak lemak c. Goreng biasa d. Fish fillet e. .....	Seekor Seekor Seekor Sesenduk .....	..... ..... ..... ..... .....	
	Sayur-sayuran a. Sayur campur goreng b. Sayur Bayam c. Sayur Kobis	Sesenduk Sesenduk Sesenduk	..... ..... .....	

	d. Sayur Petola e. Sayur Kangkung f. Sayur Bendi g. Sayur Sawi h. Sayur Kacang i. ..... j. .....	Sesenduk Sesenduk Sesenduk Sesenduk Sesenduk ..... .....	..... ..... ..... ..... ..... .....	
--	--	--	--	--

### C. Makanan bergoreng, Nasi Ayam dan Nasi Lemak

Bil	Perkara	Unit	Harga (RM)	Catatan
1.	<b>Nasi Ayam</b>  a. Nasi Ayam Goreng Salad b. Nasi Ayam Kukus c. Nasi Ayam (Roasted)	Sepinggan Sepinggan Sepinggan	..... ..... .....	
2.	<b>Nasi Lemak</b>  a. Nasi lemak biasa b. Nasi lemak ayam c. .....	Sepinggan Sepinggan Sepinggan	..... ..... .....	
3.	<b>Makanan Bergoreng</b>  a. Mee goreng b. Nasi goreng c. ..... d. ..... e. .....	sepinggan sepinggan sepinggan sepinggan sepinggan	..... ..... ..... ..... .....	

Nota:

Petender digalakkan untuk melampirkan senarai menu secara bertaip mengikut templat sebutharga seperti diatas.

## LAMPIRAN E

### 1. KAE DAH BAYARAN SEWAAN BULANAN

- 1.1 Bayaran sewaan sebuah gerai ialah sebanyak RM250.00 sebulan dan RM 15.00 GST 6%. Penender dikehendaki membayar secara ***standing instruction (S.I.)*** iaitu arahan potongan terus daripada akaun semasa/simpanan penender ke akaun UPMKB di CIMB Bank bermombor **8005232086** pada **setiap 26hb dalam kontrak sewaan**;
- 1.2 ***Standing instruction*** boleh dibuat dimana-mana bank tempatan terdekat dan segala caj bank adalah ditanggung oleh pihak penender. ***S.I.*** ini **tidak boleh dibatalkan** tanpa kebenaran daripada pihak UPMKB. Pihak penender dikehendaki **melampirkan sesalinan borang *S.I.* yang dimatikan setem** bersama-sama surat setuju terima tawaran kepada pihak UPMKB;
- 1.3 Pastikan akaun semasa/simpanan penender yang berkenaan mempunyai baki secukupnya sebelum ***standing instruction*** dibuat oleh pihak bank pada setiap bulan supaya tidak timbul masalah pada ***S.I.*** dan penender diminta untuk menyemak setiap transaksi ***S.I.*** samaada telah dibuat atau belum melalui penyata akaun masing-masing;
- 1.4 Sekiranya terdapat masalah pada ***S.I.***, pihak penender adalah bertanggungjawab untuk membayar sendiri sewaan secara tunai di Kaunter Hasil, Bahagian Kewangan dengan kadar segera. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai penyata hutang dan inbois sewaan bolehlah menghubungi Unit Akaun dan Hasil di talian 086-855276/5279/5271.